

Langkah BNM mampu perkukuh nilai ringgit

BH 7/12

● Pengumuman beri keyakinan pasaran, mantapkan mata wang

Pengumuman langkah terbaru Bank Negara Malaysia (BNM) bagi meningkatkan mudah tunai pasaran tukaran asing pada Jumaat lalu, berupaya mengukuhkan mata wang negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau percaya BNM, sebagai pengawal selia, mengetahui akan soal dasar monetari negara termasuk mengenai pengurusan tukaran mata wang dan telah mengkaji semasak-masaknya sebelum mengumumkan langkah berkenaan.

“Langkah yang mereka (Bank Negara) umumkan pada minggu lalu, saya percaya akan memberi rasa keyakinan kepada pasaran untuk mengambil langkah tertentu.

“(Dan) langkah itu kita percaya boleh mengukuhkan nilai mata wang ringgit, insya-Allah,” kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Ulang Tahun Ke-10 Iskandar Malaysia di Iskandar Puteri, semalam.

Perkukuh mata wang

Najib berkata, demikian ketika diminta mengulas sama ada langkah yang diumumkan BNM itu berupaya mengukuhkan mata wang negara.

Pada Jumaat lalu, BNM mengumumkan beberapa langkah yang dijangka boleh mengukuhkan kedudukan mata wang.

Antara langkah itu ialah pengeksporth tempatan perlu menukar 75 peratus hasil yang dijana daripada eksport kepada ringgit dan hanya 25 peratus dibenar dikekalkan dalam mata wang asing.

BERNAMA

Fakta nombor

75 PERATUS

hasil dijana daripada eksport kepada ringgit perlu ditukar pengeksporth tempatan

25 PERATUS

dibenar kekal dalam mata wang asing